



## PENGUMUMAN

---

Berdasarkan surat pekeliling (**Pekeliling Penasihat Kandungan 2/2020**) yang dikeluarkan oleh Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Forum Kandungan) pada 16 Julai 2020, kami ingin memaklumkan bahawa semua pihak yang terlibat akan diberikan **penangguhan dari sebarang tindakan selama tiga puluh (30) hari kalendar** dari tarikh pengumuman ini. Penguatkuasaan berdasarkan ketetapan di dalam Kod Kandungan seperti yang dinyatakan di dalam pekeliling tersebut akan dijalankan selepas tempoh yang diberikan.

Pengamal industri disarankan untuk membuat persiapan yang sewajarnya untuk tujuan pematuhan terhadap garis panduan yang terdapat di dalam Kod Kandungan seperti yang dinyatakan di dalam pekeliling tersebut. Semua peruntukan lain di dalam Kod Kandungan kekal terpakai tanpa pengecualian.

Kod Kandungan (Edisi Kedua) boleh dimuat turun dari laman web kami di <http://www.cmcf.my/download/cmcf-content-code-malay.pdf>

**TAMAT**

**PEJABAT PENGARAH EKSEKUTIF  
FORUM KANDUNGAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA  
Selangor, Malaysia  
28 Julai 2020**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pejabat Eksekutif CMCF

Emel: [secretariat@cmcf.my](mailto:secretariat@cmcf.my)